


BAB 5 : PASARAN

SPM2004/A/S5

(a)

(i) Keluk Penawaran Pasaran



(ii) Pembentukan keluk penawaran pasaran di 2(a)(i)

Keluk penawaran pasaran ialah satu keluk yang menunjukkan jumlah kuantiti suatu barang atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh semua firma dalam suatu pasaran pada suatu tingkat harga tertentu dalam satu jangka masa tertentu.

Pembentukan keluk penawaran pasaran dilakukan dengan mencampur secara mendatar kuantiti yang ditawarkan oleh semua firma dalam pasaran pada suatu tingkat harga tertentu.

Dalam rajah, pada harga RM20, kuantiti ditawarkan oleh firma A ialah 2 unit dan firma B ialah 4 unit, maka penawaran pasaran ialah 6 unit, iaitu 2 unit + 4 unit, dan membentuk titik A.

Bila harga naik kepada RM30, kuantiti yang ditawarkan oleh firma A ialah 4 unit dan firma B ialah 6 unit, maka penawaran pasaran ialah 10 unit, iaitu 4 unit + 6 unit, dan membentuk titik B.

Seterusnya pada harga RM40, kuantiti ditawar oleh firma A ialah 6 unit dan firma B ialah 8 unit, jadi penawaran pasaran ialah 14 unit, dan membentuk titik C.

Pada harga RM50, kuantiti penawaran firma A ialah 10 unit dan firma B ialah 10 unit, jadi penawaran pasaran ialah 20 unit, seperti dalam titik D.


Apabila semua titik di atas disambungkan akan membentuk keluk penawaran pasaran.

(b) Keadaan pasaran buruh V dan W adalah dikatakan ketidakseimbangan pasaran buruh.

Dalam keadaan pasaran buruh di V, kuantiti buruh diminta ialah 20 orang manakala kuantiti buruh ditawarkan ialah 80 orang, maka terjadilah lebih penawaran buruh sebanyak 60 orang iaitu 80 orang – 20 orang. Maka kadar upah akan menurun daripada tingkat RM1 000. Ini menyebabkan kuantiti buruh yang ditawarkan oleh isi rumah semakin berkurangan sementara kuantiti kuantiti buruh yang diminta oleh firma akan semakin bertambah. Proses ini berterusan sehingga mencapai keseimbangan pada titik E iaitu permintaan buruh sama dengan penawaran buruh.

Keadaan pasaran buruh di W ialah berlaku lebih permintaan buruh. Pada tingkat upah RM600, penawaran buruh oleh isi rumah hanya 30 orang manakala permintaan buruh oleh firma ialah 70 orang. Jadi terdapat lebih permintaan buruh sebanyak 40 orang. Ini akan menyebabkan tingkat upah naik dan peningkatan upah menyebabkan penawaran buruh bertambah tetapi permintaan buruh jatuh. Proses ini berterusan sehingga mencapai keseimbangan pasaran buruh.

(c) Aliran Pusingan Pendapatan Ekonomi Dua Sektor:



SPM2005/A/S3

(c) Katakan pada mulanya harga buah jambu dalam pasaran ialah RM6 sekilogram dengan permintaan di pasaran sebanyak 10 kilogram manakala penawaran pasaran pula ialah 30 kilogram. Oleh itu, wujud lebih penawaran sebanyak 20 kilogram dan ini menyebabkan harga turun sehingga RM4 sekilogram. Dengan itu permintaan pasaran adalah sama dengan penawaran pasaran dan keseimbangan pasaran tercapai di titik E.

Jika harga buah jambu adalah rendah di pasarannya, contohnya RM2 sekilogram, di mana penawaran pasaran ialah 10 kilogram manakala permintaan pasaran pula ialah 30 kilogram.

Oleh itu, wujud lebih permintaan sebanyak 20 kilogram dan menyebabkan harga naik sehingga ke RM4 sekilogram. Dengan itu keseimbangan pasaran tercapai.

SPM2006/A/S3

(a) Keadaan pasaran pada tingkat harga:

(i) RM3

Pada harga RM3, penawaran pasaran ialah 55 unit dan permintaan pasaran ialah sebanyak 75 unit. Lebihan permintaan sebanyak $75 - 55 = 20$ unit. Harga cenderung untuk naik

(ii) RM4


Pada harga RM4, kuantiti yang diminta sama dengan kuantiti yang ditawarkan iaitu sebanyak 70 unit. Pada tingkat harga RM4 tidak berlaku lebihan permintaan atau lebihan penawaran. Pasaran telah mencapai keseimbangan.

(iii) RM6

Pada harga RM6, penawaran pasaran ialah sebanyak 100 unit dan permintaan pasaran ialah sebanyak 60 unit. Lebihan penawaran sebanyak $100 - 60 = 40$ unit. Harga cenderung turun.

SPM2007/A/S3

(d) Rajah Aliran Pusingan Pendapatan:




SPM2008/A/S3

(c)

(i) Kuantiti permintaan pasaran pada tingkat harga RM30 = $8 + 12 = 20$ unit

(ii)



(iii) Pembentukan keluk permintaan di 3(c)(ii):

Keluk permintaan pasaran diperoleh dengan menjumlahkan permintaan semua individu secara mendatar pada pelbagai tingkat harga.

Pada tingkat harga RM20, kuantiti permintaan Amani ialah 12 unit, kuantiti permintaan Mokhtar ialah 16 unit. Kuantiti permintaan pasaran 28 unit ditunjukkan oleh titik C.

Pada tingkat harga RM30, kuantiti permintaan Amani ialah 8 unit, kuantiti permintaan Mokhtar ialah 12 unit. Kuantiti permintaan pasaran 20 unit ditunjukkan di titik B.

Pada tingkat harga RM40, kuantiti permintaan Amani ialah 4 unit, kuantiti permintaan Mokhtar ialah 8 unit. Kuantiti permintaan pasaran 12 unit ditunjukkan oleh titik A.

Apabila titik A, B dan C disambung maka terbentuklah permintaan pasaran DD. Keluk permintaan pasaran lebih landai daripada keluk permintaan individu.